

PEMBINAAN ITEM BAGI INSTRUMEN PENTAKSIRAN NILAI AKHLAK (I-PeNA) UNTUK KANAK-KANAK PRASEKOLAH

*Norazly Nordin

Universiti Selangor

azly.addeen@gmail.com

Muhammad Daoh

Universiti Selangor

muhammad66@unisel.edu.my

Nor Mashitah Mohd Radzi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

nmashitah@fppm.upsi.edu.my

Abstrak

Pentaksiran perkembangan kanak-kanak merupakan satu proses untuk mengumpulkan maklumat mengenai perkembangan kanak-kanak. Pentaksiran dijalankan secara tidak formal dan menggunakan pendekatan pemerhatian. Salah satu perkembangan kanak-kanak yang perlu ditaksir juga adalah perkembangan penguasaan nilai Akhlak. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan konstruk utama dan item-item bagi setiap konstruk di dalam Instrumen Pentaksiran Nilai Akhlak (I-PeNA) untuk kanak-kanak prasekolah. Kajian bersifat kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis kandungan dijalankan ke atas beberapa kitab-kitab seperti *Ihya' Ulumuddin* karya Imam Al-Ghazali, Bimbingan Mukmin, dan *Khuluqul Muslim* serta dokumen-dokumen rasmi seperti Instrumen Kemenjadian Murid, Panduan Penguatan Pendidikan Karakter, Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan dan Modul Latihan PERMATA. Hasil kajian mendapat terdapat tiga konstruk utama di dalam I-PeNA iaitu konstruk Pertuturan, Pergaulan dan Personaliti dan terdapat 35 item disenaraikan dan diletakkan di dalam setiap konstruk: Konstruk Pertuturan (10 item), Konstruk Pergaulan (15 item) dan Konstruk Personaliti (10 item). Item-item penting dan boleh digunakan dalam pentaksiran nilai Akhlak untuk kanak-kanak di prasekolah.

Kata kunci: Pentaksiran akhlak, kanak-kanak prasekolah, instrumen pentaksiran dan pembangunan item.

ITEM DEVELOPMENT FOR THE INSTRUMENT OF AKHLAK VALUES ASSESSMENT (I-PENA) FOR PRESCHOOLERS

Abstract

Assessment is a process of gathering information about a child's development. Assessment is conducted informally and by using an observational approach. One of the children's development that needs to be assessed is also the development of Akhlak values. This study aims to develop the main constructs and items for each construct in the Akhlak Value Assessment Instrument (I-PeNA) for preschool children. This qualitative study uses a document analysis approach, and the analysis is carried out on several books such as *Ihya' Ulumuddin* by Imam Al-Ghazali, Bimbingan Mukmin, and Khuluqul Muslim as well as official documents such as the *Instrumen Kemenjadian Murid*, *Panduan Penguanan Pendidikan Karakter*, *Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan dan Modul Latihan PERMATA*. The results of the study found that there are three main constructs in I-PeNA, namely the Speech, Social, and Personality constructs and there are 35 items listed and placed in each construct: Speech Construct (10 items), Social Construct (15 items) and Personality Construct (10 items). Items are important and can be used in the assessment of Moral values for children in preschool.

Keywords: Akhlak assessment, preschool children, assessment instruments, and item development.

PENGENALAN

Pentaksiran merujuk kepada apa juga bentuk pengukuran dan penilaian mengenai pengetahuan, kebolehan dan penguasaan kanak-kanak terhadap sesuatu perkara. Pentaksiran ini merangkumi ujian, pemerhatian, temubual, laporan dan apa juga sumber yang berkaitan mengenai tahap pencapaian kanak-kanak. (Mc Afee, Leong & Bodrova, 2016). Perkataan “pentaksiran kanak-kanak” ini digunakan secara meluas dalam pendidikan awal kanak-kanak bagi menjelaskan proses untuk membuat penilaian perkembangan mereka serta menggantikan perkataan “ujian” kerana boleh menimbulkan persepsi negatif kepada usaha untuk mengukur dan menilai tahap penguasaan kanak-kanak.

Senario pentaksiran kanak-kanak pada hari ini juga dilihat telah mengalami perkembangan dan perubahan. Peralihan daripada pentaksiran yang dahulunya menggunakan pendekatan ujian pensil-kertas kepada pentaksiran berdasarkan prestasi (Nor Mashitah, 2017). Ujian-ujian yang berbentuk tradisional seperti ujian pensil-kertas dan ujian aneka pilihan mempunyai kelemahan dalam membuat pengukuran yang baik tentang tahap kebolehan kanak-kanak berfikir dan menyelesaikan masalah kerana hanya tertumpu kepada pengukuran domain kognitif semata-mata (Wiggins, 1993). Sehubungan dengan itu, pentaksiran autentik atau juga dikenali sebagai pentaksiran prestasi adalah bentuk pentaksiran yang digunakan secara meluas di prasekolah pada hari ini bagi mengukur tahap kebolehan dan penguasaan kanak-anak berdasarkan prestasi mereka ke atas item atau tugas yang diberikan kepada mereka. Proses pentaksiran ini adalah berbeza dengan ujian standard yang berdasarkan markah skor atau nilai gred yang biasa digunakan dalam pentaksiran formal di dalam aliran pendidikan yang lebih formal.

Salah satu domain perkembangan kanak-kanak yang perlu ditaksir oleh para pendidik adalah afektif. Domain afektif merujuk kepada perkembangan emosi dan rohani seperti perasaan, nilai, apresiasi, motivasi dan sikap (Sukanti, 2011). Perkembangan afektif kanak-kanak juga harus diberikan perhatian serta para pendidik mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menyuburkan nilai-nilai murni dalam diri setiap kanak-kanak. Di samping itu, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan atau singkatannya KSPK yang mula diperkenalkan pada tahun 2010 dan disemak pada tahun 2017 menyatakan bahawa antara objektif KSPK (2017) adalah untuk memastikan kanak-kanak mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pendedahan dan penerapan nilai-nilai Islam dalam kalangan kanak-kanak prasekolah ini dilaksanakan, terdapat satu Tunjang khusus di dalam KSPK yang menekankan aspek ini iaitu Tunjang Kerohanian Sikap dan Nilai. Di dalam tunjang ini, kanak-kanak didedahkan kepada matapelajaran Pendidikan Islam yang merangkumi aspek Al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Akhlak dan Jawi.

Bagi mengukur pencapaian prestasi kanak-kanak di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya mengamalkan adab dan akhlak yang mulia dalam kehidupan sepeitimana yang telah dinyatakan di atas, para guru hendaklah melaksanakan pentaksiran perkembangan atau penguasaan nilai Akhlak kanak-kanak. Perkara ini adalah perkara yang penting bagi mengenalpasti tahap penguasaan kanak-kanak terhadap nilai Akhlak yang telah didedahkan kepada mereka dan melaluiinya para guru dapat merangka tindakan susulan bagi memastikan kanak-kanak menguasainya kemudian dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam melaksanakan pentaksiran kanak-kanak di prasekolah, kaedah yang paling lama digunakan adalah menerusi pemerhatian (Mariani, 2011). Pemerhatian dilakukan secara sistematik yang mempunyai tujuan yang spesifik iaitu menentukan tahap perkembangan kanak-kanak dari segenap aspek perkembangan iaitu aspek intelek, Bahasa, fizikal, estetika, sosioemosi dan kerohanian (Nor Mashitah, 2017).

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan proses pentaksiran kanak-kanak terutamanya daripada aspek penguasaan nilai Akhlak dapat dilaksanakan dengan dengan baik dan terancang, perlunya ada satu instrumen yang berdasarkan prestasi penguasaan Nilai Akhlak yang khusus untuk kanak-kanak prasekolah. Oleh yang demikian, kajian ini berfokus untuk membangunkan instrument yang mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi serta sesuai digunakan oleh para guru dalam mengesan dan menaksir penguasaan Nilai Akhlak dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

SOROTAN LITERATUR

Akhhlak merujuk kepada perkara-perkara yang baik dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Ianya termasuklah dari asek pertuturan, penampilan dan juga pergaulan (Adibah Abdul Latif, 2013). Ibnu Miskawayh di dalam Zaharah Husssin, Ahmad Arifin Sapar & Abdul Halim Tamuri (2017) menyemai nilai akhlak dalam diri manusia boleh dilaksanakan menerusi proses pendidikan dan latihan. Menerusi pendidikan dan latihan yang bertumpu kepada pembangunan adab, proses pembentukan akhlak dalam diri seseorang itu dapat dijalankan. Hal ini kerana, adab dan akhlak itu mempunyai persamaan yang cukup rapat.

Adab adalah pancaran daripada akhlak dan memperbaiki adab maka boleh diertikan sebagai memperbaiki akhlak. Jika kita lihat dalam senario semasa, penekanan terhadap adab ini diberikan di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini juga termasuk di dalam pendidikan prasekolah yang memasukkan elemen adab di dalam KSPK di bawah tunjang kerohanian sikap dan nilai (KSPK, 2017). Tujuannya cukup jelas iaitu agar kanak-kanak dapat mengetahui dan mengamalkan adab dan akhlak mulia di dalam kehidupan sehari-hari.

Perkara ini sejajar dengan pandangan Zaharah Husssin, Ahmad Arifin Sapar & Abdul Halim Tamuri (2017) yang menyatakan bahawa Akhlak adalah bersifat universal, boleh untuk kita pelajari dan kaji serta dimiliki oleh sesiapa sahaja. Serta penekanan di dalam pendidikan akhlak tertumpu kepada pemberian budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat.

Pendidikan Akhlak kini menjadi wacana besar dalam dunia pendidikan. Terdapat ramai tokoh-tokoh besar pendidikan sama ada barat dan timur mulai membincarakan mengenai perlunya pendidikan kini menumpukan usaha untuk melahirkan generasi yang mempunyai budi pekerti yang baik selain mempunyai kemampuan berfikir yang tinggi (Siddiq Fadzil, 2017). Sungguhpun begitu, terma yang digunakan dalam pendidikan berbeza-beza seperti Pendidikan nilai murni, budi, moral dan etika, namun tujuannya jelas sepertimana tujuan pendidikan akhlak iaitu memperbaiki budi pekerti, pemikiran dan juga tabiat menerusi latihan dan pendidikan.

Di negeri barat sendiri misalnya, mereka tidak menggunakan terma pendidikan akhlak kerana tidak merujuk kepada Al-Quran dan Hadis sebagai rujukan utama tetapi dan beranggapan bahawa ianya tidak tertakluk kepada syariat Allah (Siddiq Fadzil, 2017). Oleh yang demikian, mereka menggunakan terma-terma seperti pendidikan moral, pendidikan nilai dan pendidikan

karakter seperti mana digunakan oleh seorang pakar pendidikan karakter dari Amerika iaitu Thomas Lickona (1991).

Asep Sukendar, Husaini Usman & Cepi Safruddin Abdul Jabar (2019) di dalam kajiannya ke atas sebuah sekolah menengah di Indonesia mendapati bahawa terdapat sejumlah nilai-nilai sejahtera yang perlu dipupuk semasa di sekolah dalam diri para pelajar. Nilai-nilai yang hendak dipupuk ini perlulah nilai yang bersifat universal kerana negara Indonesia adalah sebuah negara berbilang bangsa dan agama. Perkara ini juga menjadi faktor penghalang dalam pengimplementasikan pendidikan karakter di Indonesia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara nilai yang sepatutnya dipupuk adalah nilai kerohanian, kepimpinan dan moral dan pendidikan karakter harus dimasukkan di dalam kurikulum kebangsaan agar para guru dapat melaksanakannya dan menjadi satu tanggungjawab kepada mereka. Bukannya hanya tertumpu kepada penyampaian ilmu pengetahuan sahaja.

Selain dari itu, perlunya sekolah untuk mempersiapkan satu kod etika moral atau *code of honour* yang perlu dikuasai oleh para pelajar sekolah bagi memastikan para pelajar mengetahui apakah perilaku dan nilai-nilai yang perlu mereka kuasai dan praktikkan. (Asep Sukendar, Husaini Usman & Cepi Safruddin Abdul Jabar, 2019). Sebagai pelengkap kepada tujuan ini, adalah dilihat perlu bahawa satu instrumen pengukuran penguasaan nilai etika bagi mengukur penguasaan pelajar terhadap nilai-nilai yang perlu dikuasai.

Di dalam satu kajian yang dijalankan oleh Suyatno et al (2019) ke atas 120 orang guru di Indonesia mendapati bahawa antara strategi yang digunakan adalah menerusi misi dan visi sekolah, penerapan rutin harian atau habitualisasi dan pembudayaan nilai. Kajian ini mendapati bahawa strategi yang digunakan oleh para guru ini memberikan kesan yang baik dalam amalan dan perlakuan para pelajar mereka. Para guru menyedari bahawa para pelajar mempraktikkan budaya yang diterapkan dalam sekolah sejak dari awal seperti memberikan salam kepada guru, berpakaian kemas dan sopan serta mengamalkan doa dalam sehari-hari. Perkara ini menunjukkan bahawa penguasaan nilai-nilai murni boleh diperhatikan menerusi kaedah pemerhatian ke atas para pelajar menerusi penampilan, perbuatan, pergaulan dan juga pertuturan mereka.

Selain daripada strategi tersebut, terdapat lagi strategi penerapan nilai murni dalam kalangan pelajar yang boleh dilaksanakan. Antaranya adalah menerusi perbincangan, kajian kes, peneguhan positif, model dan kuliah (Mohamad Khairi Othman, et al, 2016). Di dalam kajian ke atas 100 pelajar tingkatan 4 di Yan Kedah ini mendapati bahawa strategi yang dinyatakan tersebut memberikan kesan kepada penguasaan nilai murni atau akhlak kepada para pelajar. Pelajar didekah dengan pengertian nilai-nilai murni dan membahaskan kepentingannya serta membincangkan apakah kesannya ke atas kehidupan sehari-hari mereka.

Perkara ini sejajar dengan saranan Lickona (1991) mengenai metode pengajaran nilai moral yang merangkumi tiga peringkat iaitu pengetahuan mengenai moral, kefahaman nilai moral dan akhir sekali penghayatan nilai moral. Oleh yang demikian, selain memberikan pengetahuan dan kefahaman nilai moral dalam pengajaran nilai, para pendidik juga harus memastikan tahap penguasaan pelajar terhadap nilai-nilai yang diajar agar dapat dibantu untuk mereka menghayati dan mengamalkan nilai-nilai tersebut.

Terdapat juga kajian-kajian mengenai penekanan pendidikan nilai dalam pendidikan prasekolah. Kajian-kajian yang sedia ada tertumpu kepada mengenalpasti nilai-nilai yang perlu disemai dalam diri kanak-kanak dan bagaimana untuk melaksanakannya menerusi pendidikan prasekolah. Yene (2021) di dalam kajian kes ke atas 52 orang guru prasekolah di Turki dan

Ohio mendapati bahawa nilai-nilai yang perlu diterapkan di prasekolah perlu nilai-nilai yang universal dan bersifat kebangsaan (*national values*). Para guru beranggapan bahawa pendidikan nilai bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan manusia yang baik tetapi juga mempunyai semangat patriotism yang tinggi. Rentetan itu, kajian ini beranggapan bahawa nilai-nilai yang perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak prasekolah adalah patriotism, nilai budaya bangsa turki, kebersamaan, toleransi, cinta, jujur, harmoni dan menjadi manusia baik.

Walaupun terdapat banyak nilai yang perlu diterapkan, para guru beranggapan bahawa nilai yang paling utama untuk diterapkan adalah nilai patriotism. Kanak-kanak perlu disemai dengan semangat cinta akan negara dan ini akan membentuk karakter bangsa yang sayangkan tanah air serta bersedia untuk memelihara kedaulatan negara. Sehubungan dengan itu, Yene (2021) menyatakan bahawa para guru boleh menerapkan nilai ini menerusi aktiviti sambutan hari dan minggu istimewa, seni, muzik, permainan, dan aktiviti semulajadi (*nature*). Dapatkan kajian ini mendapati bahawa para guru membuat penilaian penguasaan nilai dalam diri kanak-kanak menerusi pendekatan pemerhatian dan laporan perkembangan, borang soal selidik, pemerhatian hasil kerja kanak-kanak dan maklum balas daripada para ibubapa.

Bagceci & Kayiran (2018) pula menjalankan kajian analisis keperluan untuk pendidikan nilai di prasekolah. Kajian ini dijalankan juga di negara Turki dan melibatkan 200 orang guru prasekolah. Di dalam kajian ini mendapati para guru berpendapat bahawa nilai kejujuran, patriotism, tanggungjawab, hormat, menghormati orang tua, menghargai alam sekitar, adil, menghormati hak orang lain dan bersederhana adalah nilai-nilai yang perlu diterapkan di dalam prasekolah. Daripada kajian-kajian lepas, didapati bahawa pendidikan nilai hendaklah dimasukkan di dalam kurikulum kebangsaan dan penilaian kanak-kanak terhadap penguasaan nilai hendaklah dijalankan agar dapat mengenalpasti tahap penguasaan mereka terhadap nilai-nilai yang telah diajarkan kepada mereka.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan pendekatan analisis kandungan untuk mendapatkan item-item yang sesuai di dalam instrumen ini. Menurut Othman Lebar (2018) penggunaan dokumen di dalam satu kajian akan melibatkan analisis khusus yang dikenali sebagai analisis kandungan. Pendekatan dan analisis jenis ini telah banyak digunakan dalam kajian-kajian yang membangunkan item-item bagi satu-satu instrumen seperti kajian oleh Hamidah Mahmud (2017), Aminah Jekri & Crispina Gregory (2019) dan Adibah Abdul Latif (2013). Terdapat 10 dokumen dianalisis untuk mendapatkan item-item yang sesuai bagi I-PeNA. Dokumen-dokumen ini dipilih berdasarkan kandungannya yang menjurus kepada perbincangan mengenai nilai-nilai akhlak.

DAPATAN KAJIAN

Bagi mendapatkan konstruk utama dan item-item yang bersesuaian bagi setiap konstruk, analisis kandungan telah dijalankan ke atas 10 dokumen yang berbentuk kitab-kitab dan dokumen rasmi seperti Al-Quran dan Terjemahan, Kurikulum Kebangsaan dan Panduan Pendidikan Karakter. Senarai dokumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti di Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Senarai dokumen yang dianalisis

JUDUL	PENGARANG/PENYUSUN
Al-Quran dan Terjemahan	-
Ringkas Ihya' Ulumuddin	Imam Al-Ghazali
Bimbingan Mukmin.	Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi
Akhlik seorang muslim	Muhammad Al-Ghazali
Panduan Praktis Penguatan Pendidikan Karakter Pada Pendidikan Anak Usia Dini	Kementerian Pendidikan & Kebudayaan Indonesia
Instrumen Kemenjadian Murid	Kementerian Pendidikan Malaysia
Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan	Kementerian Pendidikan Malaysia
Modul Pendidik/Pengasuh PERMATA	Jabatan Perdana Menteri, Malaysia
Ensiklopedia Adab	Muhammad Zakaria
40 Hadis Akhlak Mulia	Ahmad Fahmi Zamzam


Konstruk utama

Terdapat tiga konstruk utama yang didapati bersesuaian untuk tujuan pembinaan I-PeNA. Konstruk tersebut diperolehi daripada petikan di dalam Kitab Ringkasa *Ihya' Ulumuddin* karya Imam Al Ghazali yang diterjemah oleh Sharhan Syafie (2016) di dalam halaman 231 seperti yang berikut:

“... termasuk yang demikian itu adalah pergaulan yang baik, perbuatan terpuji dan perkataan yang lunak ...”

Sehubungan dengan itu konstruk utama yang dibangunkan serta digunakan di dalam I-PeNA adalah konstruk Pertuturan (*perkataan yang lunak*), Personaliti (*perbuatan yang terpuji*) dan Pergaulan (*pergaulan yang baik*).

Ketiga-tiga elemen ini sesuai untuk dijadikan konstruk utama di dalam I-PeNA kerana mencakupi kesemua aspek untuk menilai menerusi kaedah pemerhatian perkembangan nilai akhlak untuk kanak-kanak kerana akhlak terpancar menerusi pertuturan iaitu tutur kata yang baik, pergaulan yang terpuji serta personality yang merujuk kepada perbuatan yang baik.



Rajah 1: Konstruk utama di dalam I-PeNA

Sub-konstruk

Terdapat 35 sub-konstruk yang telah dikenalpasti bagi I-PeNA. Bagi konstruk yang pertama iaitu Pertuturan terdapat 10 subkonstruk yang sesuai untuk dikategorikan di bawah konstruk ini manakala 10 subkonstruk bagi konstruk personaliti dan 15 subkonstruk bagi konstruk pergaulan. Kesemua subkonstruk bagi setiap konstruk utama ini mencukupi bagi I-PeNA kerana bagi 10 item atau subkonstruk adalah mencukupi bagi satu-satu konstruk (Bambang & Wahyu, 2014). Subkonstruk bagi setiap konstruk di dalam I-PeNA diterangkan di dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Subkonstruk bagi I-PeNA

KONSTRUK PERTUTURAN		
No.	PENYATAAN	SUMBER
1.	Bertanya dengan lemah lembut	Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi (2009). <i>Bimbingan Mukmin</i> . Kuala Lumpur: Nadi Minda Resources
2.	Menuturkan kata dengan sopan.	Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi (2009). <i>Bimbingan Mukmin</i> . Kuala Lumpur: Nadi Minda Resources
3.	Menjawab Salam yang diucapkan kepadanya	Muhammad Al Ghazali (2020). <i>Akhlag seorang muslim</i> . Kuala Lumpur: Victoria Agencie
4.	Menunjukkan ekspresi wajah yang ceria apabila berinteraksi	Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi (2009). <i>Bimbingan Mukmin</i> . Kuala Lumpur: Nadi Minda Resources
5.	Sering bertegur sapa / memberi salam apabila bertemu dengan rakan.	Muhammad Al Ghazali (2020). <i>Akhlag seorang muslim</i> . Kuala Lumpur: Victoria Agencie
6.	Menyatakan pendapat dengan cara yang sopan	Muhammad Al Ghazali (2020). <i>Akhlag seorang muslim</i> . Kuala Lumpur: Victoria Agencie
7.	Dapat menceritakan kejadian yang sebenar	Indonesia (2020). <i>Panduan Praktis Penguatan Pendidikan Karakter Pada Pendidikan Anak Usia Dini</i> . Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
8.	Sentiasa mengucapkan terima kasih apabila menerima bantuan/barangan	Malaysia (2011). <i>Instrumen Kemenjadian Murid</i> . Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
9.	Boleh berinteraksi dengan yakin.	Malaysia (2017). <i>Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan</i> . Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
10.	Meminta bantuan orang lain sekiranya tidak berupaya melakukan sesuatu perkara	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.

KONSTRUK PERGAULAN		
1.	Meminta izin untuk menggunakan peralatan orang lain	Imam Al Ghazali (2013). <i>Ringkasan Ihya' Ulumuddin</i> . Selangor: Pustaka Al Ehsan
2.	Menyelesaikan tugas yang diberikan	Indonesia (2020). <i>Panduan Praktis Penguatan Pendidikan Karakter Pada Pendidikan Anak Usia Dini</i> . Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
3.	Dapat mengikuti arahan yang diberikan	Indonesia (2020). <i>Panduan Praktis Penguatan Pendidikan Karakter Pada Pendidikan Anak Usia Dini</i> . Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
4.	Menunjukkan rasa belas kasihan dengan kesusahan orang lain	Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi (2009). <i>Bimbingan Mukmin</i> . Kuala Lumpur: Nadi Minda Resources
5.	Dapat mengambil/menunggu giliran	Bahagian PERMATA. (2013). Modul Pendidik/Pengasuh Kursus Asuhan & Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA Negara. Serdang: Penerbit UPM
6.	Dapat berkongsi permainan	Bahagian PERMATA. (2013). Modul Pendidik/Pengasuh Kursus Asuhan & Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA Negara. Serdang: Penerbit UPM
7.	Bersedia membantu orang lain	Indonesia (2020). <i>Panduan Praktis Penguatan Pendidikan Karakter Pada Pendidikan Anak Usia Dini</i> . Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
8.	Dapat mengakui kesalahan sendiri	Indonesia (2020). <i>Panduan Praktis Penguatan Pendidikan Karakter Pada Pendidikan Anak Usia Dini</i> . Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
9.	Dapat menyatakan adab-adab makan	Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi (2009). <i>Bimbingan Mukmin</i> . Kuala Lumpur: Nadi Minda Resources
10.	Menunjukkan rasa hormat terhadap guru	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.
11.	Menunjukkan rasa belas kasihan terhadap haiwan	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.
12.	Bergaul mesra dengan rakan tanpa mengira bangsa, agama	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.
13.	Memulakan sesuatu pekerjaan dengan bismillah	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.
14.	Membaca doa sebelum dan sesudah makan	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.

KONSERUK PERSONALITI		
1.	Berpakaian bersih	Al Quran (74:4)
2.	Menjaga kebersihan diri dengan baik	Al Quran (87:14)
3.	Personaliti kemas dan bersih	Imam Al Ghazali (2013). <i>Ringkasan Ihya' Ulumuddin</i> . Selangor: Pustaka Al Ehsan
4.	Mengangkat tangan apabila hendak bertanya soalan	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.
5.	Menunjukkan rasa ingin membantu orang lain	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.
6.	Meminta maaf apabila melakukan kesilapan	Ahmad Fahmi Zamzam (2020). <i>40 Hadis Akhlak Mulia</i> . Kedah: Khazanah Banjariah
7.	Sentiasa menjaga waktu	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.
8.	Mengutamakan orang lain dalam berbuat sesuatu perkara	Ahmad Fahmi Zamzam (2020). <i>40 Hadis Akhlak Mulia</i> . Kedah: Khazanah Banjariah
9.	Gemar bermain dalam kumpulan	Bahagian PERMATA. (2013). Modul Pendidik/Pengasuh Kursus Asuhan & Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA Negara. Serdang: Penerbit UPM
10.	Mengutamakan kebersihan dan kekemasan sebelum melakukan sesuatu perkara	Muhammad Zakaria. (202). <i>Eksiklopedia Adab</i> . Kuala Lumpur: Telaga Biru.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, I-PeNA ini dibangunkan bertujuan untuk menjadikan instrumen untuk guru mendapatkan maklumat bagi penguasaan nilai akhlak untuk kanak-kanak di prasekolah. Dengan adanya instrumen ini para guru dapat menjalankan pemerhatian dan pentaksiran terhadap domain akhlak dan seterusnya dapat merangka pelan tindakan susulan bagi membantu mengoptimumkan lagi penguasaan nilai akhlak dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Adalah dicadangkan kajian lanjutan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item I-PeNA untuk dijalankan bagi memastikan I-PeNA boleh dijadikan instrumen yang jitu bagi mengukur perkembangan nilai akhlak untuk kanak-kanak prasekolah.

RUJUKAN

- A. Tabi'iin (2017). Pengelolaan pendidikan karakter disiplin anak usia dini studi kasus di Al Muna Islamic Preschool Semarang. *Jurnal Pendidikan Anak*. 3(1),1-23.
- Adibah Abdul Latif. (2013). *Pembangunan instrumen penilaian akhlak pelajar di institusi pengajian tinggi awam*. [Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Fahmi Zamzam (2020). *40 hadis akhlak mulia*. Kedah: Khazanah Banjariah. Al-Quran dan Terjemahan.
- Aminah Jekri & Crispina Gregory (2019). Pembinaan dan pengesahan instrument pengetahuan, afektif dan motivasi guru sains terhadap pengajaran dan pembelajaran Stem (PAMPDPSTEM). *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 4 (32). 79-89.
- Asep Sukendar, Husaini Usman & Cepi Safruddin Abdul Jabar (2019). Teaching loving caring and semi-military education on character education management. *Cakrawala Pendidikan*. 38, 293-305.
- Bağçeci & Kayıran (2018). Needs analysis on values education programme for preschool students. *Journal of Education and Training Studies* 6(10). 69-73.
- Bahagian PERMATA. (2013). *Modul pendidik/pengasuh kursus asuhan & didikan awal kanak-kanak PERMATA negara*. Serdang: Penerbit UPM.
- Bambang Sumintono. dan Wahyu Widhiarso. (2014) *Aplikasi model Rasch untuk penelitian ilmu-ilmu sosial (edisi revisi)*. Jakarta: Trim Komunikata Publishing House.
- Hamidah Yusof, Jamal Yunus dan Khalip Musa (2019). *Kaedah penyelidikan pengurusan pendidikan*. Perak: Penerbit UPSI.
- Indonesia (2020). *Panduan praktis penguatan pendidikan karakter pada pendidikan anak usia dini*. Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Lickona, T. (1991). *Educating for character: How our school can teach respect and responsibility*. Bantam Books.
- Malaysia (2011). *Instrumen kemenjadian murid*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Malaysia (2017). *Kurikulum standard prasekolah kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mariani Mohd Noor. (2011). *Pemerhatian dan penilaian kanak-kanak*. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Mc Afee, O, Leong, D. J, & Bodrova E. (2016). *Assessing and guiding young children's development and learning* (6th Edition). Pearson.
- Mohamad Khairi Othman, et al (2016). Development of akhlak and values in students: What is the suitable application techniques. *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*. 850-855.
- Muhammad Al Ghazali (2020). *Akhlaq seorang muslim*. Kuala Lumpur: Victoria Agencie
- Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi (2009). *Bimbingan Mukmin*. Kuala Lumpur: Nadi Minda Resources.
- Muhammad Zakaria. (2020). *Ensiklopedia adab*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Nor Mashitah Mohd Radzi. (2017). *Pembinaan dan pengesahan instrument pentaksiran prestasi standard awal pembelajaran dan perkembangan awal kanak-kanak*. [Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Perak: Penerbit UPSI.

- Sukanti. (2011). Penilaian afektif dalam pembelajaran akuntansi. *Jurnal Pendidikan Akuntasi Indonesia*. 9(1). 74-82.
- Suyatno et al (2019). Strategy of values education in the Indonesian Education System. *International Journal of Instruction*. 12(1). 607-624.
- Wiggins, G. P, (1993). *Assessing student performance*. Jossey-Base.
- Yene, E. T. (2021). Values education practices in preschool: The case of Turkey and the United States. *Participatory Educational Research (PER)* 8(4). 385-408.
- Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar & Ab Halim Tamuri. (2017). *Pendidikan akhlak. analisis dan reka bentuk kurikulum*. Penerbit Universiti Malaya.